

BAHASA MELAYU

Terma dan Syarat Kempen 'i-Lindung Bonanza'

1. Kempen i-Lindung Bonanza ("Kempen") dianjurkan oleh Etiqa Family Takaful Berhad ("Penganjur" atau "Etiqa") dan akan tertakluk pada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.
2. Dengan mengambil dalam Kempen ini, Peserta:
 - (a) bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini;
 - (b) bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Etiqa sepanjang Tempoh Kempen ini berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan muktamad;
 - (c) bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
 - (d) bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka didedahkan kepada pihak-pihak yang dibenarkan termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Kempen;
 - (e) bersetuju untuk membenarkan Etiqa untuk menyiarkan nama mereka, gambar yang diambil, atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, semasa dan pada masa hadapan, dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini tanpa sebarang pampasan;
 - (f) tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak kepada sebarang pampasan daripada Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang limitasi, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada perubahan, pembatalan, atau penangguhan Kempen ini.
 - (g) tidak akan mempertikaikan atau membuat aduan, pengumuman, atau pernyataan umum mengenai perkara yang sama, sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

Pelaksanaan Kempen:

3. Kempen ini akan bermula pada 2 Januari 2025 pada jam 00.00 AM MYT dan berakhir pada 31 Mac 2025 pada jam 11:59 PM MYT ("Tempoh Kempen").

Kelayakan:

4. Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas sahaja.
5. Peserta akan menyertai Kempen ini secara automatik dengan mendaftar untuk salah satu produk KWSP i-Lindung Fasa 2 sewaktu Tempoh Kempen iaitu:
 - Etiqa Term Takaful Plus
 - Etiqa Critical Care Takaful Plus
6. Peserta yang layak tanpa butiran maklumat lengkap seperti "Alamat Emel" atau "Nombor Telefon" secara automatik akan dikecualikan dari kelayakan untuk mendapat Hadiah.
7. DUA PULUH LIMA (25) orang Pemenang akan dipilih secara rawak pada akhir Kempen.

8. Ahli Jawatankuasa Penganjuran Kempen ini, termasuk ahli keluarga terdekat mereka, tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

Hadiah:

9. Pemenang akan menerima hadiah berikut:

1 gram emas

Terhad kepada 25 pemenang yang dipilih secara rawak

10. Pemenang adalah bertanggungjawab atas semua cukai yang dikenakan ke atas Hadiah yang akan diterima (jika berkenaan).
11. Hadiah hanya akan dihantarkan secara selamat kepada Pemenang sekali sahaja. Jika Pemenang gagal untuk menerima Hadiah, tiada sebarang gantian atau pampasan yang akan diberikan, dan permintaan untuk mengambil Hadiah tidak akan dilayan.
12. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

Notis Privasi Etiqa

13. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Penganjur selaras dengan Notis Privasi Syarikat yang dapat dilihat di www.etiqa.com.my ("Notis Privasi").
14. Di samping itu, tanpa menjejaskan syarat-syarat di dalam Notis Privasi Etiqa, dan tertakluk pada arahan bertulis daripada Peserta untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Peserta bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Penganjur untuk:
- (a) tujuan-tujuan Kempen ini;
 - (b) aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Penganjur di mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk media iklan atau publisiti atau bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa batasan bagi penggunaan dan/atau berkaitan dengan entri, bahan wawancara serta respons dan gambar-gambar yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, setiap Peserta bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan dan/atau pertimbangan lebih lanjut, dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Penganjur yang munasabah yang berkaitan dengan Kempen ini.
15. Etiqa berhak untuk:
- (a) mengikut budi bicara mutlak untuk tidak melayakkan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau yang didapati atau disyaki secara munasabah yang mengganggu Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini.

Gangguan akan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan tindakan menipu dan/atau muslihat dan/atau penipuan yang berkaitan dengan Kempen ini;

- (b) menarik, membatalkan, menangguhkan, memanjangkan atau menghentikan Kempen lebih awal secara keseluruhan atau secara sebahagian sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Penganjur. Penganjur juga berhak untuk meminda, menambah, memadam, mengubah atau mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal dalam tempoh yang dianggap munasabah dan notis tersebut akan diposkan di www.etiqa.com.my atau melalui saluran lain yang difikirkan sesuai oleh Penganjur dan oleh itu, butiran-butiran yang dipinda tersebut akan dianggap berkuat kuasa dan akan dibaca dan ditafsirkan seolah-olah butiran yang telah dipinda tersebut telah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat.
16. Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang had, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan atau sebarang bentuk liabiliti yang ditanggung oleh Peserta yang dihasilkan secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya. Sebagai tambahan, Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas pelanggaran kewajibannya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh sebarang peristiwa *force majeure*, termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, perang, rusuhan, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik atau sebarang kejadian di luar kawalan yang wajar oleh Penganjur.
17. Terma dan Syarat ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.